

'Kelulusan EIA bukan keputusan muktamad'

PM tegaskan kerajaan masih sedia dengar bantahan nelayan, penduduk

Oleh Muhammad Yusri Muzamir, Audrey Dermawan dan Iffah Najwa Mohd Zamri
bhnews@bh.com.my

Sungai Buloh: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, kelulusan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) bagi Projek Tambakan Laut Selatan Pulau Pinang (PSI) yang dikeluarkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) bukanlah keputusan muktamad, yang membenarkan aktiviti tambakan serta-merata di lokasi cadangan.

Sebaliknya, Perdana Menteri menjelaskan, kerajaan masih bersedia mendengar jika ada bantahan daripada nelayan dan penduduk setempat dan masa sama juga kerajaan negeri akan berikan penjelasan berhubung isu berkenaan.

"Keputusan (kelulusan) EIA (projek PSI), JAS memberi kelulusan pada prinsipnya dengan 71 syarat (mesti dipatuhi). Jadi kita telitilah.

"Saya sudah kemukakan beberapa kebimbangan, terutama (bagi) pihak nelayan dan penduduk setempat yang berbilang kaum dan biarkan proses ini berjalan terlebih dahulu.

"Kalau mereka (nelayan dan penduduk setempat) mahu kemu-



Anwar menyampaikan duit raya kepada kanak-kanak selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Jamiul Ehsan, Kampung Kubu Gajah, Sungai Buloh, semalam. (Foto Aswadi Alias/BH)

kakan bantahan, kita akan dengar dan kerajaan negeri juga akan berikan penjelasan," katanya kepada media selepas menyantuni ahli kariah Kampung Kubu Gajah dan menunaikan solat Jumaat di Masjid Jamiul Ehsan dekat Paya Jaras di sini, semalam.

Kehadiran Perdana Menteri diiringi Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari.

BH semalam, melaporkan EIA bagi projek PSI akhirnya diluluskan JAS dengan 71 syarat yang perlu dipatuhi menerusi surat kepada kerajaan Pulau Pinang, bertarikh 11 April lalu.

Ketua Menteri, Chow Kon Yeow, dilaporkan berkata, beberapa proses perlu dilalui terlebih dahulu, selain menjelaskan kerja tambakan hanya akan dimula-

kan pada suku ketiga tahun ini.

Projek kontroversi itu melalui proses komprehensif berhubung laporan EIA diluluskan pada 25 Jun 2019, tetapi terdapat rayuan sehingga keputusan itu dibatalkan. Laporan baharu diserahkan pada 29 April 2022.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Nelayan Pulau Pinang (PEN Mutiara), Ibrahim Che Ros, melahirkan rasa kecewa kerana usaha mereka untuk berjumpa Perdana Menteri sebelum ini bagi membincangkan isu Projek PSI tidak 'dilayan'.

Ibrahim mendakwa, pihaknya sudah menghantar dua surat kepada pejabat Perdana Menteri untuk mengadakan mesyuarat berhubung isu PSI, akhir tahun

lalu dan menjemputnya ke majlis berbuka puasa, baru-baru ini.

"Kita menerima pengakuan untuk kedua-dua surat itu, malangnya tidak berpeluang untuk bertemu Perdana Menteri sehingga kini.

"Kami memang kecewa dengan Perdana Menteri; Menteri Sumber Asli, Alam Sekitar dan Iklim serta Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan kerana gagal mempertahankan hak nelayan.

"Malah, (Datuk Seri) Anwar pernah datang ke Sungai Batu sebelum ini ketika beliau baru menjadi Presiden PKR, berjumpa dengan nelayan di sana dan berjanji untuk membantu mereka. Beliau adalah Perdana Menteri sekarang, apa yang menghalang beliau?" soalnya.